

WARTA SAWIT

Jangan lepaskan
peluang
memenangi RM50
Sertai Kuiz Sawit
SEKARANG!!!

Boleh didapati secara *on-line* di <http://palmoilis.mpob.gov.my/V4/warta-sawit>

Naskhah PERCUMA terbitan Bahagian Penyelidikan Pembangunan Pekebun Kecil

Bil. 82 (3)/Sep-Dis 2022

MSPO 2022: Meningkat Penerimaan dan Membina Kepercayaan Penggunaan Minyak Sawit Malaysia



Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Kementerian Perladangan dan Komoditi

6 Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

Tel: 03-8769 4400 Faks: 03-8925 9446 www.mpob.gov.my



Sidang Penerbit

PENASIHAT

Datuk Dr. Ahmad Parveez Ghulam Kadir

PENGERUSI

Dr. Ramle Moslim

TIMBALAN PENERUSI/ KETUA PENYUNTING

Dr. Zaki Aman

PENYUNTING

Dr. Idris Abu Seman
Mohd Saufi Awang
Iptisam Abdul Wahab
Johari Minal
Hj. Khairuman Hashim
Anita Taib
Raja Zulkifli Raja Omar
Dr. Norkaspi Khasim
Mohd Shahrin Rahami

SETIAUSAHA

Shafirul Ab Wahab

KANDUNGAN

- Dari Meja Ketua Penyunting **2**
- Piawaian Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) 2022 **4**
- Artikel Khas: Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit 2022 **6**
- Sudut Teknologi **8**
- Kuiz Sawit **11**
- Sudut Kreatif Sawit **12**
- Tahukah Anda? **13**
- Sembang Sawit **15**
- Berita Bergambar **16**
- Diari & Program **18**
- Prestasi Sawit **21**
- Peladang Jaya **24**
- Direktori MPOB **26**

Produk dan perkhidmatan yang diiklankan dalam penerbitan ini tidak boleh dianggap dipersetujui MPOB.



DARI MEJA KETUA PENYUNTING



Dr. Zaki Aman

Pengarah Bahagian Penyelidikan
Pembangunan Pekebun Kecil
zaki@mpob.gov.my

Piawaian Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) MS 2530:2022 telah menggantikan Piawaian semasa MSPO iaitu MS 2530:2013 dan Piawaian Pensijilan Rantai Bekalan (Supply Chain Certification Standard, MSPO-SCCS-01) dengan tujuan untuk meningkatkan lagi penerimaan minyak sawit Malaysia dalam pasaran global serta membina kepercayaan terhadap pemain industri tempatan dan juga sebagai platform untuk Malaysia menjawab semua dakwaan yang dibuat terhadap industri minyak sawit negara berhubung dengan isu kemampanan.

Tempoh peralihan MS 2530:2013 kepada MS 2530:2022 adalah 18 bulan iaitu bermula pada 1 Julai

2022 dan berakhir pada 31 Disember 2023. Bermula 1 Januari 2024, kesemua pengauditan MSPO adalah berdasarkan MS 2530:2022. Antara lain yang ditambah baik dalam MSPO 2.0 ialah Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), Nilai Pemuliharaan Tinggi (HCV), Penilaian Impak Sosial dan Persekitaran (SIA dan EIA) serta hal berkaitan buruh paksa/ kanak-kanak.

Bagi pekebun yang mempunyai masalah penyakit reput pangkal batang (RPB) dan reput batang atas (RBA), Sudut Teknologi kali ini akan menerangkan secara terperinci aplikasi racun kulat untuk kawalan penyakit tersebut. Cara pengawalan penyakit tersebut pada pokok sawit menggunakan racun kulat sistemik, hexaconazole dinyatakan dengan jelas. Aplikasi racun kulat hexaconazole didapati telah dapat mengurangkan kadar keterukan jangkitan dan penyebaran penyakit dengan membunuh kulat

Ganoderma dalam batang pokok sawit di samping dapat meningkatkan produktiviti pokok sawit.

Sudut Tahukah Anda kali ini memperkenalkan aplikasi mudah alih terbaharu iaitu BAJA SAWIT berasaskan infografik. Ia adalah kerjasama antara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) di bawah geran kursi endowment MPOB-UKM. Aplikasi ini boleh dijadikan panduan amalan baik pembajaan di kalangan pekebun kecil sawit. Aplikasi ini memudahkan pekebun kecil mempelajari selok-belok asas pembajaan sawit secara lebih mudah, menarik dan dapat digunakan secara realistik dan praktikal secara dalam talian. Penerangan infografik secara visual bertujuan untuk menyampaikan informasi secara ringkas, tepat, menarik dan mudah difahami oleh golongan sasaran iaitu pekebun kecil.

Peladang Jaya kali ini mengetengahkan pekebun kecil dari Zon Utara iaitu En. Chai Poo Kong, 75 tahun dari Kg. Chui Chak, Langkap, Perak. Walaupun hanya dapat meneruskan pendidikan sehingga peringkat

sekolah rendah, ia tidak menghalang beliau untuk mengusahakan penanaman sawit dengan jayanya sejak 60 tahun yang lalu dengan keluasan sawit mencecah 20 ha. Pada tahun 2021, rekod pencapaian buah tandan segar (BTS) beliau ialah sebanyak 32 t/ha/thn dan telah memberikan pendapatan yang lumayan kepada beliau.

Beliau juga telah berjaya mendapat Pensijilan MPOB Amalan Pertanian Baik (GAP) dan Pensijilan MSPO pada 2017 dengan bantuan khidmat nasihat daripada pegawai TUNAS. Selain menanam sawit, beliau juga mengusahakan sawah padi, tanaman jambu batu dan juga tanaman limau dalam pasu sebagai pendapatan sampingan. Sebahagian besar hasil tanaman ini juga dieksport ke luar negara.

Resipi masakan dalam Sudut Kreatif kali ini memaparkan sesuatu yang istimewa apabila YBrs. Dr. Ramle Moslim, Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan) MPOB berkongsi resipi iaitu Pulut Kuning Rendang Ayam berasaskan santan sawit. Bagi yang berminat, dialu-alukan mencuba resipi ini.

Bagi mendapatkan senarai penuh tapak semaian yang mempunyai Kod Amalan Baik Nurseri Sawit (CoPN), sila layari:
<http://copn.mpob.gov.my/index.php/elementor-2875/>



PIAWAIAN MINYAK SAWIT MAMPAN MALAYSIA (MSPO) 2022



Penulis:
Mohammad Sukri Abu Ishak
mohdsukri@mpob.gov.my

PENGENALAN

MSPO 2022, piawaian edisi kedua MSPO telah dilancarkan oleh Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC) pada 22 Mac 2022 di Le Meridien Putrajaya yang disempurnakan oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC). Piawaian MSPO 2022 merupakan skim pensijilan kebangsaan khusus untuk pekebun kecil, ladang sawit, fasiliti pemprosesan minyak sawit serta peniaga buah sawit yang menggantikan piawaian MSPO edisi pertama yang telah diterbitkan pada 2013.

Semakan semula piawaian MSPO 2022 ini adalah bertujuan untuk meningkatkan lagi penerimaan minyak sawit Malaysia dalam pasaran global serta membina kepercayaan terhadap pemain industri tempatan. MSPO 2022 juga adalah platform untuk Malaysia dalam menjawab semua dakwaan yang dibuat terhadap industri minyak sawit Malaysia berhubung dengan isu kemampanan.

Antara kunci utama yang ditambah baik dalam MSPO 2022 adalah seperti berikut:

- i. Menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030 dengan memasukkan elemen SDG;
- ii. Memperkenalkan dan meningkatkan aspek kawasan yang mempunyai Nilai Pemuliharaan Tinggi (HCV);
- iii. Memperkukuh keperluan untuk penanaman sawit dengan memasukkan keperluan Penilaian Impak Sosial (SIA) dan Penilaian Impak Persekitaran (EIA);
- iv. Memperkenalkan tarikh baharu untuk penanaman baharu sawit iaitu pada 31 Disember 2019;
- v. Memperkenalkan dan menambah baik mekanisme Pengiraan Gas Rumah Hijau (GHG) untuk keseluruhan rantaian perbekalan sawit; dan

- vi. Menjelaskan keperluan larangan sebarang bentuk amalan buruh paksa dan buruh kanak-kanak selaras dengan keperluan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

Kategori Piawaian MSPO 2022

Piawaian MSPO 2022 terbahagi kepada lapan bahagian utama merangkumi keseluruhan rantaian perbekalan minyak sawit. Piawaian khusus bagi peniaga buah sawit turut diperkenalkan dalam MSPO 2022 di mana sebelum ini, tiada piawaian khusus diwujudkan untuk peniaga buah sawit dipersijilkan dengan MSPO edisi 2013. Lapan bahagian utama MSPO adalah seperti berikut:

Bahagian 1: Prinsip Am

Bahagian 2-1: Pekebun Kecil Persendirian <40.46 ha

Pekebun individu yang memiliki atau memajak dan mengurus kebun mereka sendiri. Pekebun kecil boleh menggaji beberapa pekerja untuk mengendalikan kerja-kerja harian di kebun mereka.

Bahagian 2-2: Pekebun Kecil Tersusun <40.46 ha

Pekebun individu yang memiliki atau memajak kebun kecil sawit yang pegangannya diurus oleh agensi kerajaan seperti FELDA, RISDA, FELCRA, SALCRA, SLDB dan organisasi-organisasi lain.

Bahagian 3-1: Ladang Sawit 40.46-500 ha

Ladang kecil

Bahagian 3-2: Ladang Sawit >500 ha

Ladang besar

Bahagian 4-1: Kilang Minyak Sawit Termasuk Rantaian Bekalan

Kilang yang memproses buah tandan segar (BTS) menjadi minyak sawit mentah (MSM) dan produk sampingan hasil pemprosesan BTS ini. Rantaian bekalan juga disyaratkan supaya mempunyai keupayaan mengesan.

Bahagian 4-2: Kemudahan Pemprosesan Minyak Sawit Termasuk Rantaian Bekalan

Kilang penapisan yang memproses minyak sawit mentah dan isirung sawit untuk menjadi

produk lain. Rantainya bekalan juga disyaratkan supaya mempunyai keupayaan mengesan.

Bahagian 4-3: Peniaga Termasuk Rantainya Bekalan

Organisasi yang mempunyai lesen perniagaan yang dikeluarkan oleh MPOB. Organisasi ini termasuklah pengeksport dan pengimport yang membeli dan menjual produk sawit yang tidak menukar sifat kimia bahan tersebut. Rantainya bekalan juga disyaratkan supaya mempunyai keupayaan mengesan.

Prinsip Utama MSPO 2022

Piawaian MSPO 2022 menggariskan lima prinsip utama berlandaskan keperluan kemampuan sejagat terkini yang menyokong pengeluaran produk sawit mampan. Berbeza dengan MSPO 2013 yang mempunyai tujuh prinsip utama. Keperluan MSPO 2022 telah dirangkumkan kepada hanya lima prinsip seperti berikut:

Lima Prinsip MSPO 2022

- Prinsip 1: Tanggungjawab dan komitmen pengurusan
- Prinsip 2: Ketelusan
- Prinsip 3: Pematuhan undang-undang
- Prinsip 4: Tanggungjawab sosial, kesihatan, keselamatan dan keadaan pekerjaan
- Prinsip 5: Persekitaran, sumber semula jadi, kepelbagaian bio dan perkhidmatan ekosistem

Pensijilan MSPO amat diperlukan untuk memastikan produk sawit Malaysia yang dihasilkan adalah mampan dan dapat diterima di pasaran global.

Pelaksanaan MSPO 2022

Pematuhan terhadap keperluan piawaian MSPO 2022 akan mula dilaksanakan secara menyeluruh bermula tahun 2024. Pada ketika ini, pelaksanaan MSPO masih lagi berpandukan piawaian MSPO 2013. Hal ini kerana industri sawit bersijil MSPO 2013 perlu diberikan masa untuk mengadaptasi keperluan-keperluan yang baru diperkenalkan dalam piawaian MSPO 2022.

Setakat Ogos 2022, bagi kategori Pekebun Kecil Persendirian sejumlah 79 606 ha atau 82.65% kawasan merangkumi keluasan 822 277 ha telah menerima pensijilan MSPO

2013. Manakala sejumlah 699 092 ha atau 100% Pekebun Kecil Tersusun telah mendapat pensijilan MSPO.

Kelebihan Pensijilan MSPO 2022

1. Membantu negara dalam menjenamakan dan pemasaran produk sawit ke pasaran yang lebih luas.
2. Membantu pengurusan yang lebih cekap dan sistematik hasil daripada pematuhan keperluan pensijilan.
3. Membantu kerajaan mencapai aspirasi negara bagi memastikan keluaran hasil sawit adalah mampan pada masa hadapan.
4. Memperkenalkan dan meningkatkan aspek kawasan yang mempunyai Nilai Pemuliharaan Tinggi (HCV).
5. Memperkukuh keperluan untuk penanaman sawit dengan memasukkan keperluan Penilaian Impak Sosial (SIA) dan Penilaian Impak Persekitaran (EIA).
6. Memperkenalkan dan menambah baik mekanisme Pengiraan Gas Rumah Hijau (GHG) untuk keseluruhan rantainya perbekalan sawit.
7. Menjelaskan keperluan larangan sebarang bentuk amalan buruh paksa dan buruh kanak-kanak selaras dengan keperluan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

KESIMPULAN

Pensijilan MSPO 2022 adalah salah satu cara kerajaan Malaysia membantu industri sawit mengembangkan sawit negara ke pasaran antarabangsa. Selain itu, melalui pensijilan MSPO 2022 juga banyak faktor yang telah diambil kira dalam membendung isu-isu yang timbul berikutan pelaksanaan MSPO sebelum ini. Kesedaran dalam menjaga keselamatan dan kesihatan pekerjaan, alam sekitar dan hidupan liar perlu sentiasa diamalkan oleh semua sektor industri sawit termasuklah pekebun kecil supaya ekosistem yang baik kekal terjaga untuk generasi akan datang.

MSPO 2022 diharap dapat mengukuhkan piawaian MSPO sedia ada demi memenuhi permintaan pasaran dengan memasukkan keperluan kemampuan semasa ke dalam piawaian tersebut. MSPO 2022 juga bertujuan untuk mendapatkan pengiktirafan oleh negara pengimport minyak sawit Malaysia dengan menambah baik amalan kemampuan semasa di Malaysia.

ARTIKEL KHAS

PERSIDANGAN KEBANGSAAN PEKEBUN KECIL SAWIT 2022



Penulis:
Ainul Shazwin Sahidan
ainul.shazwin@mpob.gov.my

Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit melabuhkan tirainya kembali, selepas pandemik dengan menghimpunkan semula penggiat industri sawit di bawah satu acara dwitahunan oleh MPOB. Pada tahun ini, persidangan kebangsaan pekebun kecil ini telah diadakan pada 20-21 September 2022 bertempat di Hotel Pullman, Miri, Sarawak dan dirasmikan oleh YB Datuk Willie Anak Mongin, Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi bertemakan “Amalan Mampan, Jaminan Kemakmuran”. Persidangan ini bertujuan bagi menyediakan ruang perbincangan dan

perkongsian idea melibatkan pekebun kecil, penanam sawit dan agen pengembangan mengenai teknologi terkini dan amalan pertanian baik.

Seramai 558 peserta yang terdiri daripada pekebun kecil, pengusaha sawit, peniaga sawit, pengurus dan penyelia estet, pembekal input pertanian, ahli akademik, penuntut universiti, pegawai agensi-agensi pengembangan dan pembangunan telah menghadiri persidangan pada kali ini.

Turut diadakan program Lawatan Teknikal ke dua lokasi iaitu Pusat Pengeluar Biji Cambah Sawit, Ladang Surea dan Ladang Nanas Saramanis Sdn. Bhd. di Sarawak. Lawatan ini telah diadakan sehari sebelum persidangan berlangsung iaitu pada 19 September 2022 dengan jumlah penyertaan seramai 80 peserta. Ladang Surea adalah di bawah Kumpulan Sarawak Plantation Berhad (SPB) di mana terdapat pusat pengeluaran biji benih cambah yang berkualiti tinggi dengan nama Surea DxP. Biji benih cambah ini diiktiraf oleh SIRIM dan telah dibuktikan dapat menghasilkan produktiviti buah tandan segar (BTS) yang tinggi. Peserta yang terlibat telah dibawa melihat proses pengeluaran biji benih cambah ini.

Ladang Nanas Saramanis pula terletak di Tukau, Miri merupakan ladang nanas komersial yang telah diusahakan sejak tahun 2016. Terdapat lebih daripada 10 varieti nanas yang ditanam di ladang ini seperti MD2, Josapine, Paun dan N36. Selain menjual nanas segar, benih juga





turut dijual kepada usahawan nenas seluruh Sarawak.

Persidangan ini terbahagi kepada lima sesi termasuk sesi ucap tama yang telah dipengerusikan oleh En. Dominic Anak Chungat, Pemangku Pengarah Pertanian Sarawak dan sebanyak 15 kertas kerja telah dibentangkan yang merangkumi empat sesi pembentangan seperti berikut:

- Sesi 1: Potensi dan Peluang ke Arah Kemakmuran
- Sesi 2: Pencapaian Pembangunan Projek Pekebun Kecil
- Sesi 3: Peningkatan Produktiviti dan Pendapatan
- Sesi 4: Kemampuan, Kelebihan dan Manfaat kepada Pekebun

Selain daripada pembentangan lisan, pembentangan poster teknikal juga turut diadakan. Sebanyak 21 poster teknikal telah dibentangkan di mana 16 poster daripada pegawai penyelidik MPOB dan tiga dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan dua dari Universiti Putra Malaysia. Selain itu, sebanyak 13 gerai pameran yang disertai oleh agensi kerajaan dan swasta turut menyertai pameran di persidangan kali ini.

Bagi menghargai dan meraikan usaha gigih pekebun kecil sawit dan juga Koperasi Penanam Sawit Mampan, dua Anugerah Industri Sawit (AIS) telah diberikan kepada tiga pemenang kategori pekebun kecil dan tiga pemenang kategori Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) mengikut setiap zon seperti berikut:

- **Anugerah Industri Sawit (AIS) Kategori Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM)**
 - i. Koperasi Penanam Sawit Mampan Daerah Meradong Sarikei Berhad (Zon Sarawak)

- ii. Koperasi Penanam Sawit Mampan Daerah Keningau Sabah Berhad (Zon Sabah)
- iii. Koperasi Penanam Sawit Mampan Daerah Bera Berhad (Zon Semenanjung)

- **Anugerah Industri Sawit (AIS) Kategori Pekebun Kecil Sawit Persendirian**

- i. Umin Anak Meringai (Zon Sarawak)
- ii. Jalan @ Jailani Agak (Zon Sabah)
- iii. Ali A. Bakar @ Md Talib (Zon Semenanjung)

Selain itu, turut dilancarkan aplikasi mudah alih BAJA SAWIT berasaskan infografik hasil kerjasama antara pihak UKM dan MPOB. Melalui aplikasi baja ini, maklumat mengenai amalan baik pembajaan sawit disampaikan dalam infografik yang menarik dan lebih mudah difahami oleh pekebun kecil sawit. Aplikasi ini juga boleh diakses secara mudah dengan menggunakan telefon pintar oleh pekebun kecil dan dapat dijadikan sebagai bahan sokongan pemindahan maklumat pembajaan sawit kepada pihak TUNAS MPOB.

Secara keseluruhannya, persidangan pada kali ini telah berjalan dengan lancar dan jayanya. Jutaan terima kasih turut diucapkan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang telah menaja hadiah berupa wang tunai sebanyak RM1000 kepada pemenang-pemenang AIS, pihak Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) yang telah menaja penginapan dua hari satu malam kepada 69 pekebun kecil dan juga pihak Briar Resources Sdn. Bhd. yang telah manaja 11 cabutan bertuah bernilai RM11 200.00 pada persidangan kali ini. Komitmen daripada semua peserta dan para petugas persidangan sepanjang dua hari persidangan amat memuaskan dan diharapkan dapat diteruskan pada masa akan datang.

SUDUT TEKNOLOGI

APLIKASI RACUN KULAT UNTUK KAWALAN PENYAKIT *Ganoderma*, REPUT BATANG ATAS (RBA) TERHADAP POKOK SAWIT



Penulis:
Nur Rashyeda Ramli
shyeda@mpob.gov.my

PENGENALAN

Tanaman sawit terdedah kepada ancaman jangkitan penyakit *Ganoderma* yang menyebabkan kerugian besar kepada industri sawit di Malaysia. Kulat *Ganoderma* menyebabkan dua penyakit utama pada pokok sawit iaitu penyakit reput pangkal batang (RPB) dan reput batang atas (RBA). Penyakit RPB adalah yang paling ketara menjejaskan industri sawit. Walau bagaimanapun, kebelakangan ini, kejadian penyakit RBA telah meningkat terutama di Sabah dan Sarawak. Bagi pokok sawit yang dijangkiti RBA, akan terdapat kulat *Ganoderma* tumbuh di bahagian atas batang pokok sawit, kira-kira 1 m dari paras tanah. Ia berbeza dengan penyakit RPB, di mana *Ganoderma* tumbuh di pangkal pokok sawit (Rajah 1). Jangkitan RBA adalah melalui sebaran basidiospora secara bawaan udara atau serangga. Jelas, RBA adalah penyakit yang perlu dikawal dengan segera dan rawatan kuratif yang disyorkan adalah menggunakan racun kulat *hexaconazole* (bahan aktif).

Kawalan Kimia Menggunakan Racun Kulat *Hexaconazole*

Racun kulat daripada kumpulan *triazole* boleh membunuh kulat *Ganoderma* tanpa memberikan kesan residu kepada buah dan minyak sawit. Kaedah terbaik untuk kawalan penyakit RBA adalah dengan memusnahkan pokok sawit yang telah dijangkiti. Walau bagaimanapun, pokok sawit yang masih di peringkat awal jangkitan

tetapi masih mengeluarkan buah, rawatan yang disyorkan adalah menggunakan kaedah kawalan kimia. Ini adalah bertujuan untuk memulihkan dan memanjangkan tempoh hayat ekonomik pokok sawit tersebut.

Kaedah Penggunaan

Racun kulat *hexaconazole* telah digunakan melalui teknik suntikan batang menggunakan alat penyuntik bertekanan tinggi (PIA). Alat ini dapat menyuntik racun kulat ke sasaran tisu berpenyakit dengan tepat dan seterusnya membunuh *Ganoderma*. Racun kulat kekal di kawasan sasaran tisu dalam jangka masa yang lama dan tiada residu racun tersebut dalam buah dan minyak sawit.

Kajian lapangan untuk menentukan keberkesanan aplikasi racun *hexaconazole* telah dijalankan. Pokok sawit yang masih dalam peringkat jangkitan awal penyakit RBA telah dipilih. Pokok-pokok ini telah ada jasad berbuah *Ganoderma*, pereputan tisu batang pada bahagian atas pokok kurang 10.0% dan pokok masih mengeluarkan buah tandan. Hasil kajian menunjukkan peratus pokok hidup selepas dirawat dengan *hexaconazole* mencapai 50.0%-66.7%, selepas lima tahun rawatan.

Kaedah penggunaan racun *hexaconazole* adalah dengan melarutkan *hexaconazole* pada kadar 90 mL (4.5 g bahan aktif, a.i) ke dalam 3-L air dan disuntik menggunakan alat PIA ke dalam lubang batang pokok sawit pada ketinggian 1 m dari paras tanah (Rajah 2 dan 3). Kekerapan rawatan suntikan adalah sebanyak tiga kali pada selang masa enam bulan bagi setiap rawatan. Suntikan racun kulat boleh dilakukan pada bila-bila masa dan elakkan semasa hujan lebat. Pokok yang dirawat dengan racun kulat *hexaconazole* akan terus hidup dan mengeluarkan daun berwarna hijau serta mengeluarkan buah tandan.


Kelebihan

Kelebihan menggunakan racun kulat *hexaconazole* adalah:

- i. Merupakan rawatan kuratif atau penyembuhan untuk pokok yang dijangkiti penyakit;
- ii. Memulih dan memanjangkan jangka hayat pokok sawit yang dijangkiti penyakit;
- iii. Mengurangkan risiko penyebaran kulat *Ganoderma* di ladang sawit;
- iv. Mengurangkan hasil kerugian akibat serangan kulat *Ganoderma*; dan



Rajah 1. (a) Tanda pokok yang dijangkiti penyakit reput batang atas (RBA) dan (b) Pembentukan jasad berbuah Ganoderma pada bahagian atas batang pokok sawit, kira-kira 1 m dari paras tanah.



Rajah 2. (a) Peralatan dan bahan yang digunakan untuk rawatan penyakit reput batang atas (RBA) menggunakan racun kulat hexaconazole secara suntikan batang; (b) Lakukan bancian untuk mengenal pasti pokok sawit yang dijangkiti RBA dengan simptom jasad berbuah Ganoderma di bahagian atas batang dan pokok sawit masih mengeluarkan hasil buah tandan; (c) Buang pelepah pada bahagian atas menggunakan pahat.

“Aplikasi racun kulat hexaconazole didapati dapat mengurangkan kadar keterukan jangkitan dan penyebaran penyakit dengan membunuh kulat Ganoderma dalam batang pokok sawit di samping dapat meningkatkan produktiviti sawit dan minyak sawit negara.”

- v. Tiada residu racun *hexaconazole* ditemui dalam minyak sawit dan selamat digunakan.

KESIMPULAN

Teknologi untuk mengawal penyakit RBA pada pokok sawit menggunakan racun kulat

sistemik, *hexaconazole* telah berjaya dibangunkan. Aplikasi racun kulat *hexaconazole* didapati dapat mengurangkan kadar keterukan jangkitan dan penyebaran penyakit dengan membunuh kulat *Ganoderma* dalam batang pokok sawit di samping dapat meningkatkan produktiviti sawit dan minyak sawit negara.



Rajah 3. (a) Buat lubang menggunakan gerudi (mata gerudi bersaiz 45 cm panjang dan berdiameter 11 mm) pada batang pokok sawit pada ketinggian 1 m dari paras tanah; (b) Bancuh larutan racun kulat hexaconazole dalam tangki penyembur galas bermotor pada kadar 4.5 g bahan aktif (90 mL) ke dalam 3-L air dan suntik 2-L campuran racun ke dalam lubang yang ditebuk, dan (c) Sembur baki 1-L larutan racun kulat hexaconazole pada batang pokok yang dijangkiti.

????????? **Kuiz Sawit** ???????????

Pembaca *Warta Sawit* berpeluang memenangi wang tunai berjumlah **RM50** sekiranya berjaya menjawab lima soalan yang diberikan dengan tepat. Hanya **tiga** penyertaan bertuah yang menjawab dengan tepat akan dipilih sebagai pemenang.

Syarat Penyertaan:

- Terbuka kepada pembaca *Warta Sawit* kecuali kakitangan dan ahli keluarga Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB);
- Sila bulatkan jawapan yang betul;
- Tarikh tutup penyertaan ialah pada **30 MAC 2023**; dan
- Keputusan pengadil adalah muktamad.

Hantar jawapan anda berserta nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat yang jelas kepada:

Kuiz Warta Sawit
6 Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor.
u/p: Unit Khidmat Pembangunan,
Bahagian Penyelidikan Pembangunan
Pekebun Kecil

melalui Aplikasi *WhatsApp* 017-8219 693
 ATAU emelkan kepada *wartasawit@mpob.gov.my*



**SUMBER MAKLUMAT
 UNTUK MENJAWAB
 SOALAN KUIZ
 INI ADALAH
 BERDASARKAN
 ARTIKEL-ARTIKEL
 DALAM WARTA
 SAWIT BIL. 82 (3)/
 SEPTEMBER-
 DISEMBER 2022**



**SOALAN KUIZ SAWIT BIL. 82 (3) / SEPTEMBER-
 DISEMBER 2022**

1. Yang manakah pernyataan yang **TIDAK BENAR** dalam senarai penambahbaikan yang terdapat dalam MSPO 2.0?
 - a) Menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2033 dengan memasukkan elemen ke dalam piawaian yang disemak semula
 - b) Memperkenalkan dan meningkatkan aspek Nilai Pemuliharaan Tinggi (HCV)
 - c) Memperkukuh keperluan untuk tanam baharu dengan memasukkan keperluan HCV, Penilaian Impak Sosial (SIA) dan Penilaian Impak Persekitaran (EIA) selepas tarikh akhir iaitu 31 Disember 2019
 - d) Memperkenalkan dan ditambah baik dengan Pengiraan Gas Rumah Hijau (GHG) untuk keseluruhan rantaian bekalan

2. Berapakah prinsip utama yang terdapat di dalam MSPO 2.0?
 - a) 7 Prinsip
 - b) 12 Prinsip
 - c) 5 Prinsip
 - d) 6 Prinsip
3. Aplikasi mudah alih pembajaan sawit (BAJA SAWIT) adalah percuma dan di manakah aplikasi ini boleh dimuat turun?
 - a) Platform *Google Sheets*
 - b) Platform *Apple Appstore*
 - c) Platform *Google Play Store* dan *Apple Appstore*
 - d) Platform *Google Play Store*
4. Nyatakan nama racun yang boleh digunakan untuk merawat penyakit Reput Pangkal Batang dan Reput Batang Atas?
 - a) Racun kulat *hexaconazole*
 - b) Racun kulat heksakonazol
 - c) Racun kulat *Oxagonazole*
 - d) Racun kulat *Ganoderma*
5. Berikut merupakan faktor-faktor yang menyumbang kepada penurunan harga MSM di pasaran bagi tempoh masa September-Disember 2022, **KECUALI?**
 - a) Penurunan harga minyak kacang soya di pasaran
 - b) Stok minyak sawit yang tinggi melebihi paras 2.00 juta tan
 - c) Penurunan harga minyak mentah Brent di pasaran
 - d) Peningkatan permintaan terhadap minyak masak sawit tempatan

Nama : _____

No. Kad Pengenalan : _____

No. Telefon : _____

Alamat : _____

**JAWAPAN SOALAN KUIZ WARTA SAWIT
 BIL. 81 (2)/ MEI-OGOS 2022**

- | | |
|------|------|
| 1. B | 4. C |
| 2. A | 5. C |
| 3. D | 6. A |



PULUT KUNING, RENDANG AYAM BERASASKAN SANTAN SAWIT



Bahan-bahan Pulut Kuning

- 500 g beras pulut
- 1 sudu kecil kunyit
- Air secukupnya untuk rendam pulut
- 2 cawan santan sawit
- 1 cawan air
- 2 sudu kecil gula
- 2 sudu besar minyak sawit
- 3-4 helai daun pandan
- Garam secukup rasa

Cara Penyediaan

1. Masukkan beras pulut, kunyit, garam dan air ke dalam bekas serta kacau sehingga rata.
2. Kemudian rendam beras pulut selama 2 jam sehingga beras pulut kembang dan lembut.
3. Tapis beras pulut yang telah direndam. Selepas itu masukkan ke dalam loyang.
4. Masukkan garam, gula, minyak sawit, air, santan sawit dan daun pandan ke dalam loyang dan digaul rata.
5. Pastikan pengukus dipanaskan terlebih dahulu.
6. Kemudian kukus beras pulut selama 20 min atau sehingga lembut.
7. Kacau pulut kuning yang telah masak dan sedia untuk dihidang.

Bahan-bahan Rendang Ayam

- 1 ekor ayam (saiz besar)
- 1 mangkuk minyak sawit untuk menumis
- 3 sudu besar cili kisar
- 3 sudu besar serbuk kari ayam – bancuh sedikit air
- 3 cawan santan sawit
- 2 sudu besar kerisik
- 2 helai daun kunyit
- 2 helai daun limau purut
- 1 sudu kecil asam jawa
- 1 ketul gula kabung
- Gula pasir secukup rasa
- Garam secukup rasa

Bahan-bahan untuk kisar halus

- 1 sudu kecil jintan kasar
- 1 sudu besar ketumbar
- 1 sudu kecil jintan halus
- 1 sudu kecil lada hitam
- 7 ulas bawang putih
- 5 ulas bawang merah
- 1 inci halia
- 1 inci kunyit
- 4 batang serai

Cara Penyediaan

1. Bersihkan ayam dan toskan.
2. Panaskan minyak dan masukkan cili kisar serta gula sehingga masak.
3. Kemudian masukkan bahan yang telah dikisar kacau perlahan sehingga rata.
4. Selepas itu masukkan serbuk kari, gula kabung, gula pasir dan air. Kacau sehingga masak.
5. Masukkan ayam dan biarkan masak selama 5-10 min.
6. Kemudian masukkan daun kunyit dan daun limau purut.
7. Selepas itu masukkan santan sawit dan air asam jawa. Kacau perlahan-lahan di atas api sederhana.
8. Kemudian masukkan kerisik dan kacau sehingga kuah menjadi pekat dan masak.
9. Siap dimasak dan sedia untuk dihidang bersama pulut kuning.

Sumbangan:

YBrs. Dr. Ramle Moslim,
Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan)

Untuk maklumat lanjut, sila layari video masakan ini dengan mengimbas Kod QR berikut:



Link Kod QR:

<https://youtu.be/gLZKsAiQZzU>

PENGUMUMAN

Para pembaca dipelawa untuk menghantar resipi, gubahan atau barangan kreatif berasaskan bahan sawit atau menggunakan bahan buangan sawit. Setiap sumbangan hendaklah disertakan gambar dengan keterangan yang lengkap berserta nama penuh, alamat dan nombor telefon untuk dihubungi. Setiap sumbangan yang disiarkan dalam Warta Sawit akan menerima cenderamata khas dari MPOB. Sila hantar ke alamat: MPOB, 6 Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor.u/p: Unit Khidmat Pengembangan, Bahagian Penyelidikan Pembangunan Pekebun Kecil ATAU melalui aplikasi WhatsApp 017-821 9693 ATAU fakskan ke 03-8920 2932 ATAU emelkan kepada wartasawit@mprob.gov.my



APLIKASI BAJA SAWIT



Penulis:

Ahmad Afandi Murdi; Norliyana
Zin Zawawi; Azura Ishak;
Nordiana Abd Aziz; Khairuman
Hashim dan Nur Zuhaili Zainal
Abidin

aafandim@mpob.gov.my

PENGENALAN

Pembajaan merupakan faktor utama yang boleh menyumbang kepada peningkatan hasil sawit. Nutrien yang dibekalkan melalui pembajaan dapat meningkatkan tumbesaran pokok dan penghasilan buah tandan segar (BTS). Selain itu, penggunaan baja yang mengandungi nutrien seimbang dengan jumlah yang optimum akan menjimatkan kos dan mengurangkan pembaziran input. Ini kerana kos bahan dan upah membaja sawit adalah tinggi iaitu di antara 50%-65% daripada keseluruhan kos penyelenggaraan sawit matang (Afandi dan Khalid, 2019). Walau bagaimanapun, pembajaan berkesan tidak akan tercapai jika peladang sawit gagal melakukan pembajaan dengan kadar yang betul, pemilihan baja yang tidak sesuai, kawasan peletakan baja yang kurang berkesan, kekerapan serta masa pembajaan yang tidak sesuai. Pengetahuan amalan baik pembajaan sawit adalah penting untuk dipelajari bagi meningkatkan hasil sawit. Sumber maklumat pembajaan boleh diperolehi melalui bengkel, taklimat, nota, kertas kerja, risalah dan artikel. Penyampaian maklumat yang menerapkan elemen infografik perlulah ringkas, menarik dan mudah difahami.

Perkembangan teknologi digital ketika ini boleh dioptimumkan penggunaannya untuk menyampaikan ilmu dengan lebih berkesan, murah dan menarik. Aplikasi mudah alih adalah salah satu kaedah yang baik untuk menyampaikan maklumat dan telah mula digunakan sejak

kemunculan telefon pintar. Ia adalah salah satu kaedah yang boleh meningkatkan produktiviti sendiri melalui kemahiran baharu dan mempelajari perkara baharu. Berdasarkan faktor tersebut, aplikasi mudah alih BAJA SAWIT berasaskan infografik telah dibangunkan. Ia merupakan kerjasama antara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) di bawah geran kursi *endowment* MPOB-UKM.

Aplikasi ini boleh dijadikan panduan amalan baik pembajaan di kalangan pekebun kecil sawit. Aplikasi ini memudahkan pekebun kecil mempelajari selok-belok asas pembajaan sawit secara lebih mudah, menarik dan dapat digunakan secara realistik dan praktikal secara dalam talian (UKM, 2022). Penerangan infografik secara visual bertujuan supaya maklumat yang disampaikan ringkas, tepat, menarik dan mudah difahami oleh golongan sasaran iaitu pekebun kecil.

CARA MUAT TURUN APLIKASI

Pengguna boleh memuat turun aplikasi dari *Google Play Store* dan *Apple AppStore* secara percuma dengan menaip perkataan 'baja sawit' pada ruangan carian dan seterusnya menekan butang yang tertera ikon Baja Sawit dan butang muat turun (*install*) seperti dalam *Rajah 1*. Aplikasi pengguna yang berjaya memuat turun aplikasi ini akan tertera ikon aplikasi BAJA SAWIT pada telefon pintar mereka. Terdapat lima tajuk penting pembajaan di paparan utama aplikasi ini iaitu asas pembajaan, kenali baja sawit, tanda kekurangan nutrien, jenis baja, kaedah pembajaan dan formulasi baja (*Rajah 2*).



https://play.google.com/store/apps/details?id=my.baja_sawit

Rajah 1. Ikon aplikasi BAJA SAWIT di platform Google Play Store dan Apple AppStore.

IMPAK PENGGUNAAN

Penilaian keberkesanan aplikasi ini telah dijalankan secara dalam talian dan bersemuka

kepada pekebun kecil (Rajah 3). Secara umumnya, pengujian ini telah berjaya memenuhi objektif pembangunan aplikasi ini seperti berikut (Azura, 2022):

- i. Pengetahuan amalan pembajaan sawit meningkat;
- ii. Hasil pembelajaran yang diperoleh berasaskan infografik adalah tinggi;
- iii. Tahap kebolegunaan aplikasi BAJA SAWIT di kalangan pengguna adalah tinggi; dan
- iv. Aplikasi BAJA SAWIT adalah sesuai mengikut semua kategori umur, jantina, pengalaman sawit dan pendidikan.



Rajah 2. Sebahagian daripada paparan di telefon pintar untuk aplikasi BAJA SAWIT berasaskan infografik.



Rajah 3. Ujian penilaian penggunaan aplikasi BAJA SAWIT kepada pekebun kecil.

KESIMPULAN

Aplikasi BAJA SAWIT berasaskan infografik ini dapat digunakan sebagai sumber rujukan yang bermakna dan praktikal terutamanya bagi melahirkan pekebun kecil sawit di kalangan

“Pekebun kecil disaran menggunakan aplikasi ini untuk meningkatkan kemahiran aspek pembajaan seterusnya membantu membuat keputusan dalam pengurusan ladang dengan lebih berkesan.”

generasi muda. Aplikasi ini mesra pengguna, menarik, ringkas, mudah difahami dan dilengkapi dengan fungsi tambahan untuk merekod kerja pembajaan untuk pengguna. Aplikasi ini akan sentiasa ditambah baik, sejajar dengan maklumat terkini pembajaan serta memudahkan pengguna memperoleh baja yang berkualiti untuk keperluan sawit dalam jangka masa panjang. Pekebun kecil disaran menggunakan aplikasi ini untuk meningkatkan kemahiran aspek pembajaan seterusnya membantu membuat keputusan dalam pengurusan ladang dengan lebih berkesan.

RUJUKAN

Afandi, A M dan Khalid, H (2019). Pembajaan Sawit. *Perusahaan Sawit di Malaysia, Satu Panduan* (Kushairi, A; Parveez, G K A dan Norman, K penyunting). Jilid 1, Edisi Keempat. MPOB, Bangi. m.s. 149-165.

Azura, I (2022). Laporan analisis statistik penilaian penggunaan aplikasi BAJA SAWIT berasaskan infografik. Universiti Kebangsaan Malaysia. 16 hlm.

UKM (2022). Aplikasi mudah alih pembajaan sawit (Baja Sawit) berasaskan infografik. <https://www.ukm.my/kursimpobukm/2021/08/26/aplikasi-mudah-alih-pembajaan-sawit-baja-sawit-berasaskan-infografik/>, diakses pada 23 September 2022.

Sudut Renungan



Firman Allah SWT dalam Surah Ar-Rum (30:41) yang bermaksud:

“Telah berlaku kerosakan di darat dan di laut kesan daripada perbuatan manusia, demikian (supaya Allah) merasakan kepada mereka terhadap (kerosakan) yang mereka lakukan, semoga mereka kembali bertaubat.”

Ayat 41 di atas membicarakan tentang kerosakan alam sekitar sama ada di lautan dan di daratan yang berpunca daripada perbuatan dan aktiviti manusia itu sendiri. Ayat ini juga menerangkan bahawa Allah mencipta alam sekitar atau bumi ini untuk manusia bersyukur kepada Allah SWT. Ini membuktikan bahawa Islam sebenarnya sejak mula lagi telah membicarakan tentang isu alam sekitar dan memberikan amaran tentang kemusnahan yang bakal berlaku kepada habitat manusia jika tidak ditangani dengan sebaiknya. Oleh itu, kita hendaklah berusaha memelihara alam sekitar dan menjaganya bagi membantu mengurangkan kesan perubahan iklim yang berlaku ketika ini.

SEMBANG SAWIT



Berita Bergambar



YB Timbalan Menteri MPIC bergambar bersama pemenang Anugerah Pekebun Kecil Terbaik Kebangsaan ketika Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit 2022 di Miri, Sarawak.

Pegawai MPOB memberi penerangan tentang produk sawit kepada peserta sempena Lawatan Kerja Delegasi Peladang Muda Negeri Pahang ke Ibu Pejabat MPOB pada 28 Oktober 2022.



YB Menteri Datuk Hajah Zuraida Kamarudin bergambar bersama penerima sumbangan Program Kelestarian Sawit Peringkat Komuniti sempena Program Jom Kenali Agrikomoditi pada 23 Oktober 2022 bertempat di Grand Barakah Hotel, Ampang, Selangor.



YB Timbalan Menteri, Wee Jock Seng melawat pameran sempena Labour and Mechanisation in Plantation Seminar 2022 (LAMP 2022) pada 1-2 November 2022 bertempat di Holiday Inn, Melaka.





En. Mohd Safwan Muhamad, Pegawai MPOB membuat lawatan pengesahan Skim Bantuan Integrasi Ternakan dengan Sawit (ITE) bagi peserta En. Hashim Sarban di Sabak Bernam, Selangor.

Pegawai TUNAS memberi taklimat sempena Program Taklimat MSPO kepada Pekebun Kecil bertempat di Kg. Batu Laut, Kuala Langat, Selangor.



Pegawai MPOB Zon Tengah menghadiri Bengkel Piawaian MSPO MS 2530:2022 (Zon Tengah) bertempat Pusat Latihan RISDA (RISTEC) Port Dickson, Negeri Sembilan pada 11-12 November 2022.



Pegawai MPOB Zon Timur menghadiri Bengkel Piawaian MSPO MS 2530:2022 (Zon Timur) bertempat Holiday Villa Beach Resort dan Spa, Cherating, Kuantan, Pahang pada 25-27 November 2022.

DIARI & PROGRAM

(JANUARI-APRIL 2023)

Tarikh	Program	Tempat	Sebarang pertanyaan, sila hubungi:
ZON TENGAH			
11/1/2023 6/2/2023	Program Hari Bertemu Pelanggan Sepang (B10 dan B11)	Kuala Langat (B2 dan B3)	Pn. Nur Hana Basaruddin Penyelaras TUNAS Zon Tengah Tel: 03-8769 4400 <i>nurhana@mpob.gov.my</i>
23/2/2023		Sepang (B10 dan B11)	
ZON TIMUR			
Februari dan Mac 2023	Program Hari Bertemu Pelanggan	Kg. Sarang Tiong/ Bukit Serdang/ Kampung Melati (C6)	En. Mohd Khairul Anwar Isnin Penyelaras TUNAS Zon Timur Tel: 09-296 0580 <i>khairulanwar@mpob.gov.my</i>
April 2023		Kg. Orang Asli Paya Rekoh, Kg. Berdut (Temerloh) (C1) Felcra Bukit Kepah (T2)	
ZON SELATAN 1			
8/2/2023	Program Hari Bertemu Pelanggan	Zaki T. Nitar (J14)	Pn. Nazirah Che Jaafar Penyelaras TUNAS Zon Selatan 1 Tel: 07-789 1133 <i>nazirah@mpob.gov.my</i>
22/2/2023		Kg. Teriang Endau (J15)	
8/3/2023		Kg. Orang Asli, Labong Endau (J15)	
12/3/2023		PPK Kota Tinggi Timur (J10)	
ZON SELATAN 2			
3-4/1/2023	Program Hari Bertemu Pelanggan	Lian Heng Sdn. Bhd. Kg. Teratai dan SL Sdn. Bhd. dan Kundang Ulu (J42)	Pn. Hasmiza Desa Penyelaras TUNAS Zon Selatan 2 Tel: 07-454 5128 <i>hasmiza@mpob.gov.my</i>
4-5/1/2023		Sejati Hasil Sdn. Bhd. Tangkak dan Beng Hock Sdn. Bhd. Sagil (J41)	
10/1/2023		Hup Huat Sdn. Bhd. Serom 1 (J43)	
7/2/2023		Mohd Janis Sdn. Bhd. Bukit Gambir (J40)	
8/2/2023		PPK Simpang Lima, Cawangan Batu Puteh, Batu Pahat (J29)	
16/2/2023		PPK Rengit Cawangan Sri Ladang, Rengit, Batu Pahat (J30)	
30/4/2023		Dewan Orang Ramai Kg. Sri Dalam, Senggarang, Batu Pahat (J31)	

Tarikh	Program	Tempat	Sebarang pertanyaan, sila hubungi:
ZON SARAWAK 1			
19/1/2023 dan 16/3/2023	Program Hari Bertemu Pelanggan	Rumah Bihai, Baoh Burak/ Gerai No. 11, Medan Selera Daro, Daro (Q19)	Dr. Mohamad Arfan Johari Penyelaras TUNAS Zon Sarawak 1 Tel: 083-436 252 <i>arfan@mpob.gov.my</i>
7/2/2023 dan 14/3/2023		Rumah Albin, Sungai Liuk/ Rumah Meling, Sungai Setuan (Q18)	
10/2/2023		Pusat Timbang Maju Jaya M.T., Kilang Tetangga Akrab (TA) dan Kilang SALCRA (Q5)	
16/2/2023		Pusat Timbang KPSM Selangau/ Pusat Timbang Jugah Sangan Tatau (Q17)	
27/2/2023	Program Hari Bertemu Pelanggan	Pusat Timbang SGTI, Kilang Salcra (Q6)	
16/3/2023 dan 13/4/2023		Pusat Timbang LY Palm Kabong, Pusat Timbang WB Nyabor, Pusat Timbang Goldenrise Selalang (Q11)	
30/3/2023 dan 27/4/2023		Pusat Timbang KPSM Saratok, Pusat Timbang Goldenrise Budu, Pusat Timbang LY Palm Roban (Q12)	
ZON SARAWAK 2			
8/2/2023	Program Hari Bertemu Pelanggan	Dewan Kg. Berjumba Sundar (Q20)	En. Khairul Abidin Penyelaras TUNAS Zon Sarawak 2 Tel: 085-427 166 <i>khairul.abidin@mpob.gov.my</i>
9/2/2023		Dewan Rumah Lichong, Tubau (Q32)	
21/2/2023		Pusat Timbang KPSM Limbang Berhad (Q21)	
28/2/2023		Dewan Masyarakat Sepupok (Q26)	
28/3/2023		Dewan Masyarakat, Bekenu (Q27)	

Tarikh	Program	Tempat	Sebarang pertanyaan, sila hubungi:
ZON SABAH 1			
14/2/2023	Program Hari Bertemu Pelanggan	KPSM Beluran (S15)	<p style="text-align: center;">En. Amran Arifin Penyelaras TUNAS Zon Sabah 1 Tel: 088-493 700 <i>amranarifin@mpob.gov.my</i></p>
28/2/2023		KPSM Kimanis (S5)	
28/2/2023 dan 22/3/2023		KPSM Sikuati Berhad/ KPSM Matunggong Kudat Berhad (S3)	
21/3/2023		KPSM Sugut Paitan (S12)	
21/3/2023		KPSM Simpang Mununggan (S12)	
28/4/2023		KPSM Kota Belud (S4)	
ZON SABAH 2			
20/1/2023 dan 29/3/2023	Program Hari Bertemu Pelanggan	Dewan Ansuhan/Dewan Kuporun (S16)	<p style="text-align: center;">Siti Rashidah Michael Penyelaras TUNAS Zon Sabah 2 Tel: 089-897 106 <i>rashidah.michael@mpob.gov.my</i></p>
15/2/2023		Kg. Berjaya 1 (S19)	
21/2/2023		Pejabat Daerah Kecil Tungku (S24)	
21/2/2023 dan 22/3/2023		Kg. Koyah Bersatu/ Kg. Pandan (S20)	
22/2/2023		KPD Silabukan (S24)	
22-23/2/2023		KPSM Kunak/ Pusat Timbang Oci Purnama (S26)	
27/2/2023		KPD Segama (S25)	
27/2/2023		KPSM Semporna (S27)	
28/2/2023		Dewan Tertutup PPK Kalabakan (S29)	
28/2/2023		PPK Semporna (S27)	
15/3/2023		Kg. Litang dan Sri Ganda (S21)	
28/3/2023		KPSM Tawau (S28)	
26/4/2023		KPSM Balakan (S29)	
ZON UTARA			
Februari 2023	Program Hari Bertemu Pelanggan	Gunung Semanggol (A12)	<p style="text-align: center;">En. Muhammad Nizamuddin Mohamed Penyelaras TUNAS Zon Utara Tel: 05-623 4104 <i>nizamudin@mpob.gov.my</i></p>
Mac 2023		KPSM Kuala Kangsar (A14)	

PRESTASI SAWIT

(SEPTEMBER-DISEMBER 2022)



WS

Penulis:

Ayatollah K. Ab Rahman, Norfadilah Hashim dan Fauziah Arshad
ayat@mpob.gov.my

Prestasi harga minyak sawit mentah (MSM) telah kembali menunjukkan trend peningkatan bagi tempoh masa September-Disember 2022 setelah mengalami kejatuhan yang besar bermula Julai 2022. Harga MSM telah diniagakan tinggi sebanyak 11.0% kepada RM4087.50 setan pada November 2022 berbanding RM3682.00 setan pada Oktober 2022 (*Jadual 1*). Secara keseluruhannya, harga MSM bagi tempoh masa September-Disember 2022 adalah lebih rendah berbanding tempoh masa yang sama pada 2021. Namun begitu, harga purata MSM diunjurkan akan meningkat sebanyak 15.7% kepada RM5100.00 setan pada 2022 berbanding RM4407.00 setan pada 2021.

Harga isirung sawit (PK) dan minyak isirung sawit mentah (CPKO) pula mencatatkan prestasi yang lebih rendah bagi tempoh masa September-Disember 2022 berbanding tempoh masa yang sama pada 2021. Harga PK telah menyusut sebanyak 6.2% kepada RM2029.50 setan, manakala harga CPKO pula telah menurun sebanyak 11.2% kepada RM3925.50 setan pada November 2022 berbanding bulan sebelumnya. Penurunan harga MSM dan PK ini telah menyebabkan harga BTS (di kilang) di bawah paras RM800.00 setan pada September-Oktober 2022 sebelum meningkat kembali melepasi paras RM800.00 pada November-Disember 2022.

Faktor-faktor yang menyumbang kepada penurunan harga MSM di pasaran bagi tempoh masa September-Disember 2022 adalah seperti berikut:

- 1) Penurunan harga minyak kacang soya (SBO) di pasaran. Harga MSM dan SBO bergerak seiringan di pasaran kerana kedua-duanya merupakan produk pesaing yang merebut syer pasaran yang sama dengan minyak sayuran dunia.
- 2) Stok minyak sawit yang tinggi melepasi paras 2.00 juta tan.

- 3) Penurunan harga minyak mentah Brent (BCO) di pasaran. Harga MSM dan BCO berhubung secara positif sejak terdapatnya produk biodiesel berasaskan sawit.
- 4) Pengukuhan mata wang Ringgit berbanding Dollar Amerika telah menurunkan sedikit daya saing sawit berbanding minyak sayuran lain dunia.

Pengeluaran MSM pada September-Oktober 2022 secara keseluruhannya adalah lebih tinggi berbanding tempoh masa yang sama pada 2021 (*Rajah 1*). Peningkatan pengeluaran MSM ini disebabkan oleh masalah kekurangan pekerja dalam sektor peladangan sawit yang semakin baik dan penghasilan BTS yang lebih tinggi. Pengeluaran MSM pada November 2022 direkodkan pada 1.68 juta tan berbanding 1.63 juta tan pada tempoh yang sama 2021. Pengeluaran MSM diunjurkan akan meningkat sebanyak 1.8% kepada 18.42 juta tan pada 2022 berbanding 18.12 juta tan yang dicapai pada 2021.

Eksport minyak sawit dan lain-lain produk berasaskan sawit secara keseluruhannya mencatatkan nilai yang lebih rendah pada September-Disember 2022 berbanding tempoh masa yang sama pada 2021. Eksport produk sawit telah menurun kepada 2.28 juta tan pada November 2022 berbanding 2.34 juta tan pada November 2021. Prestasi eksport pada Disember 2022 juga diunjurkan akan lebih rendah berbanding tempoh masa yang sama pada 2021. Walau bagaimanapun, selari dengan pengukuhan harga produk sawit di pasaran pada 2022, didapati nilai eksport minyak sawit dan lain-lain produk berasaskan sawit secara keseluruhannya telah meningkat dengan begitu ketara. Nilai eksport pada 2022 diunjurkan akan meningkat kepada RM129.90 bilion berbanding RM102.43 bilion pada 2021 atau peningkatan sebanyak 26.8%.

Prestasi stok minyak sawit pada September-Disember 2022 secara keseluruhannya didapati lebih tinggi berbanding tempoh masa yang sama pada 2021. Stok minyak sawit dijangka kekal melebihi paras 2.0 juta tan sehingga Disember 2022 (*Rajah 2*). Stok minyak sawit yang tinggi ini disebabkan oleh musim pengeluaran MSM yang tinggi dan eksport minyak sawit yang lemah. Oleh


JADUAL 1. HARGA PRODUK SAWIT (RM/tan)

Bulan	MSM (Hantaran tempatan)		PK (Di kilang)		CPKO (Hantaran tempatan)		BTS (Di kilang)	
	2021	2022	2021	2022	2021	2022	2021	2022
	Januari	3 748.50	5 354.50	2 553.50	4 422.50	5 355.50	9 156.00	764
Februari	3 895.50	5 930.50	2 456.00	4 824.50	4 822.50	9 938.50	827	1 316
Mac	4 041.50	6 867.00	2 587.00	4 698.50	5 306.00	9 813.00	851	1 250
April	4 220.00	6 678.00	2 627.50	4 111.50	5 302.50	8 252.00	883	1 448
Mei	4 572.00	6 873.00	2 790.50	3 672.00	5 700.50	7 580.00	973	1 479
Jun	3 830.50	6 106.00	2 472.00	2 791.50	5 121.50	6 291.00	826	1 249
Julai	4 128.50	4 063.00	2 450.50	2 304.00	4 925.00	4 654.00	873	846
Ogos	4 555.00	4 169.00	2 545.00	2 441.00	5 181.00	4 818.00	975	862
September	4 556.00	3 736.50	2 588.00	2 469.00	5 236.00	5 020.50	988	776
Oktober	5 051.00	3 682.00	3 336.50	2 163.00	7 129.00	4 420.00	1 136	755
November	5 341.00	4 087.50	4 089.00	2 029.50	8 451.00	3 925.50	1 218	818
Disember	5 070.00	4 000.00*	3 993.50	2 050.00*	8 216.50	4 050.00*	1 148	800*
Purata	4 407.00	5 100.00*	2 773.00	3 100.00*	5 674.50	6 300.00*	955	1 067*

Nota: *Harga unjuran.

Harga BTS merujuk kepada harga yang dilaporkan oleh pengilang kepada MPOB pada KPM 1% dan didarabkan dengan purata KPM bagi Semenanjung Malaysia bagi mendapatkan harga dalam unit RM setan.

“Tahun 2023 merupakan tahun yang mencabar di mana ramai pakar-pakar ekonomi meramalkan akan berlaku kemelesetan ekonomi dunia.”



Rajah 1. Pengeluaran minyak sawit mentah.

kerana stok dan harga MSM berhubung secara negatif, atas faktor inilah menyebabkan harga MSM diniagakan rendah.

Tahun 2023 merupakan tahun yang mencabar di mana ramai pakar-pakar ekonomi meramalkan akan berlaku kemelesetan ekonomi dunia. Selain itu, pengeluaran minyak kacang soya dan juga minyak sawit terutama di Indonesia diunjurkan akan meningkat pada 2023 berbanding 2022.


Harga minyak mentah petroleum juga diunjurkan akan mengalami kejatuhan di pasaran pada 2023 kesan daripada jangkaan permintaan yang lemah. Namun begitu, jangkaan pelaksanaan adunan biodiesel daripada 30% kepada 35% oleh Kerajaan Indonesia bermula Januari 2023 dijangka sedikit sebanyak dapat membantu menstabilkan harga minyak sawit di pasaran pada 2023. Harga MSM diunjurkan pada RM3800 setan pada tahun 2023.

JADUAL 2. PRESTASI EKSPORT MINYAK SAWIT DAN LAIN-LAIN PRODUK BERASASKAN SAWIT

Bulan	2021		2022		Beza	
	Tan	RM juta	Tan	RM juta	Tan	RM juta
Januari	1 612 358	5 476.82	1 859 419	9 700.85	247 061	4 224.03
Februari	1 514 853	5 623.28	1 846 739	9 496.25	331 886	3 872.97
Mac	1 810 510	7 208.09	1 979 075	11 346.91	168 565	4 138.82
April	2 072 855	8 289.90	1 779 624	10 985.55	(293 231)	2 695.65
Mei	1 921 986	7 906.10	2 122 439	13 593.52	200 453	5 687.42
Jun	2 216 639	8 970.10	1 871 168	12 273.43	(345 471)	3 303.33
Julai	2 084 308	8 952.47	2 066 115	12 302.62	(18 193)	3 350.00
Ogos	1 955 191	8 034.38	2 071 281	10 575.22	116 090	2 541.00
September	2 441 399	10 413.16	2 200 081	10 334.08	(241 318)	(79.00)
Oktober	2 163 435	9 528.36	2 344 869	10 139.43	181 434	611.00
November	2 342 143	10 981.30	2 283 354	9 651.49	(58 789)	(1 330)
Disember	2 143 891	11 044.51	2 100 000*	9 500.00*	(43 891)*	(1 545)*
	24 279 569	102 428.45	24 524 164*	129 899*	244 595*	27 471*

Sumber: MPOB (2022).

Nota: *Nilai unjuran.



Rajah 2. Stok minyak sawit Malaysia.

PELADANG JAYA

Pekebun Kecil Sawit Raih Pendapatan Lumayan



Penulis:

Muhammad Nizamudin Mohamed
dan Muhammad Nurfaawwaz Zakaria
nizamudin@mpob.gov.my dan
mnfawwaz@mpob.gov.my



Peladang Jaya kali ini menampilkan En. Chai Poo Kong, 75 tahun dari Kg. Chui Chak, Langkap, Perak. Beliau mempunyai lima orang anak hasil perkongsian hidup bersama Pn. Chong Foong Kiew.

Walaupun hanya dapat meneruskan pendidikan sehingga peringkat sekolah rendah, ia tidak menghalang beliau untuk mengusahakan penanaman sawit dengan jayanya sejak 60 tahun yang lalu dengan keluasan sawit mencecah 20 ha. Pada 2021, rekod pencapaian buah tandan segar (BTS) beliau ialah sebanyak 32 t/ha/thn dengan pendapatan hampir RM400 000. Bahan tanaman yang digunakan adalah kacukan DXP (*Dura x Pisifera*) yang diperoleh dari tapak semaian yang berlesen serta mempunyai

Pensijilan Kod Amalan Baik Tapak Semaian (CoPN) bagi memastikan anak benih yang ditanam adalah berkualiti. Sistem tanaman yang diamalkan adalah segi tiga sama dengan kepadatan sebanyak 148 pk/ha.

Selain itu, beliau mengamalkan pembajaan yang optimum bagi memastikan hasil pengeluaran yang tinggi. Beliau menggunakan baja sawit jenis MPOB F1 yang ditabur di antara baris dan susunan pelepah dengan kekerapan sebanyak tiga kali setahun. Penggunaan baja tunggal dan sebatian juga dilakukan mengikut keperluan.

Bagi kawalan rumpai pula, beliau menggunakan kaedah secara manual dan juga secara semburan racun terutamanya jenis *glyphosate* dan *ally*. Kebanyakan



Tanaman limau dalam pasu milik En. Chai Poo Kong.

kerja pengurusan kebun seperti membaja, merumpai dan menuai hasil dilakukan oleh kontraktor yang diupah.

Aktiviti penuaian dilakukan dua pusingan sebulan iaitu pada setiap 12-15 hari. BTS yang dituai dan biji relai yang dikutip sepenuhnya akan dihantar ke pusat timbang berhampiran dalam masa kurang dari 24 jam selepas dituai.

Aktiviti pemangkasan pelepah pula dilakukan setiap enam bulan sekali semasa kerja menuai buah sawit. Beliau juga akan memastikan 1-2 pelepah ditinggalkan di bawah tandan hitam terakhir bagi mengelakkan terlebih pangkas dan memudahkan kerja penuaian pada pusingan penuaian seterusnya. Pelepah yang dipangkas, disusun kemas di lorong pelepah bagi memastikan kerja penuaian dan penyelenggaraan kebun dilakukan dengan lancar.

En. Chai Poo Kong sentiasa memastikan kebun sawit diurus sempurna, berpandukan amalan pengurusan pertanian yang baik seperti membaja mengikut kadar yang betul. Kawalan perosak dan penyakit dilakukan apabila terdapat tanda pokok sawit bermasalah. Beliau juga menggunakan baja kompos yang terhasil dari sisa kilang sawit seperti tandan kosong, sisa sawit dan tempurung sawit yang dicampur bersama mikroorganisma bermanfaat (EM) bagi meningkatkan lagi kesuburan tanah. Kadar penggunaan baja kompos serbuk adalah 2 kg bagi setiap pokok.

Semua usahanya tidak sia-sia apabila kebun beliau telah berjaya mendapat

“Kebun beliau juga telah terpilih sebagai sampel audit yang dijalankan oleh Badan Pensijilan.”

Pensijilan MPOB Amalan Pertanian Baik (GAP) dan juga Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) pada 2017. Bagi memenuhi keperluan pensijilan MSPO, beliau mendapatkan khidmat nasihat daripada pegawai TUNAS (Tunjuk Ajar dan Nasihat Sawit) dan menghadiri taklimat serta latihan yang dianjurkan oleh MPOB. Kebun beliau juga telah terpilih sebagai sampel audit yang dijalankan oleh Badan Pensijilan. Beliau berpendapat bahawa pensijilan MSPO adalah bukti penanaman sawit di Malaysia adalah mampan, menjaga ekosistem semula jadi selain dapat meningkatkan kesejahteraan sosioekonomi para pekebun kecil. Pensijilan MSPO ini memberi pengetahuan kepada beliau terutama berkaitan pematuhan undang-undang semasa dan juga dalam menjaga keselamatan ketika mengendalikan aktiviti di kebun.

Selain menanam sawit, beliau juga mengusahakan sawah padi, tanaman jambu batu dan juga tanaman limau pasu sebagai pendapatan sampingan. Sebahagian besar hasil tanaman ini juga dieksport ke luar negara.



Sawah padi milik En. Chai Poo Kong.

Direktori M P O B

	Alamat	No. Telefon dan Faks
Ibu Pejabat	Lembaga Minyak Sawit Malaysia Datuk Dr. Ahmad Parveez Ghulam Kadir Ketua Pengarah 6 Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor.	Tel: 03-8769 4400 Faks: 03-8925 9642
Pejabat Wisma Sawit	Pn. Iptisam Abdul Wahab Pengarah Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor.	Tel: 03-7802 2800 Faks: 03-7803 3533
Pejabat MPOB Wilayah	Ketua Wilayah Tengah En. Zamri Mohd Salleh MPOB Wilayah Tengah Wisma Dura, Lot PT 11545, No. 3, Jalan P/9B, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.	Tel: 03-8911 0000 Faks: 03-8911 0006
	Ketua Wilayah Timur En. Khairil Husni Ahmad MPOB Wilayah Timur Lot PT 76928, Bangunan MPOB, Bandar Indera Mahkota, 25000 Kuantan, Pahang.	Tel: 09-572 9696 Faks: 09-572 9876
	Ketua Wilayah Utara En. Mohd Noor Azam Ayob MPOB Wilayah Utara Suite 11.02, Tingkat 11, Wisma Pantai, Jalan Kg. Gajah, 12200 Butterworth, Pulau Pinang.	Tel: 04-323 0490/0526 Faks: 04-323 0527
	Ketua Wilayah Selatan En. Mohd Fairuz Mohd Hanapiah MPOB Wilayah Selatan 02-11, Blok H, Komersial Southkey 1, Kota Southkey, 80150 Johor Bahru, Johor.	Tel: 07-3383 472/473/474 Faks: 07-338 3531
	Ketua Wilayah Sabah En. Yakup Ibrahim MPOB Wilayah Sabah Pusat Maklumat dan Taman Sawit (OPPIC), Lot 1, Jalan A1, KKIP Timur, off Jalan Norowot, 88460 Kota Kinabalu, Sabah.	Tel: 088-493 700/702/703/705 Faks: 088-493 706/709
	Ketua Wilayah Sarawak En. Murphy Solomon MPOB Wilayah Sarawak Tingkat 4, Crown Towers, 88, Jalan Pending, 93450 Kuching, Sarawak.	Tel: 082-342 871/484 051 Faks: 082-342 876

	Alamat	No. Telefon dan Faks
Penyelaras TUNAS	Penyelaras TUNAS Zon Tengah Pn. Nur Hana Basaruddin 6 Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor.	Tel: 03-8769 4400 Faks: 03-8911 4259
	Penyelaras TUNAS Zon Utara En. Muhammad Nizamuddin Mohamed Pejabat MPOB Cawangan Hilir Perak, Bandar Baru Teluk Intan, 36000 Teluk Intan, Perak.	Tel: 05-623 4104 Faks: 05-623 7562
	Penyelaras TUNAS Zon Selatan 1 Pn. Nazirah Che Jaafar Stesen Penyelidikan MPOB Kluang, KM 11, Jalan Johor Tenggara, Beg Berkunci 532, 86009 Kluang, Johor.	Tel: 07-789 1133 Faks: 07-789 2282
	Penyelaras TUNAS Zon Selatan 2 Pn. Hasmiza Desa Pejabat MPOB Cawangan Parit Raja, No. 11A, 13A, 15A, Jalan Kelisa 1, Taman Kelisa Utama, 86400 Parit Raja, Johor.	Tel: 07-454 5128 Faks: 07-454 5110
	Penyelaras TUNAS Zon Timur En. Mohd Khairul Anwar Isnin Pejabat MPOB Cawangan Temerloh, Lot 2123, Tingkat 2, Bangunan Tabung Haji, 28000 Temerloh, Pahang.	Tel: 09-296 0580 Faks: 09-296 9470
	Penyelaras TUNAS Sabah 1 En. Amran Arifin Pusat Maklumat dan Taman Sawit (OPPIC), Lot 1, Jalan A1, KKIP Timur, off Jalan Norowot, 88460 Kota Kinabalu, Sabah.	Tel: 088-493 700/702/703/705 Faks: 088-493 706/709
	Penyelaras TUNAS Zon Sabah 2 Pn. Siti Rashidah Michael Stesen Penyelidikan Lahad Datu, KM 10, Jalan Tengah Nipah, Beg Berkunci No. 4, 91109 Lahad Datu, Sabah.	Tel: 089-868 969/556/373/188 Faks: 089-863 083
	Penyelaras TUNAS Zon Sarawak 1 Dr. Mohamad Arfan Johari Stesen Penyelidikan MPOB Sessang, Kompleks MPOB, Jalan Saratok/Roban Lama, Beg Berkunci No. 69, 95407 Saratok, Sarawak.	Tel: 083-436 252 Faks: 083-436 254
	Penyelaras TUNAS Zon Sarawak 2 En. Khairul Abidin Pejabat Cawangan Miri, Lot 1177 dan 1178, Tingkat 4, Miri Waterfront, Jalan Permaisuri, 98000 Miri, Sarawak.	Tel: 085-427 166 Faks: 085-427 437

TEMPAHAN IKLAN DALAM WARTA SAWIT

MPOB mempelawa syarikat-syarikat dan usahawan-usahawan IKS tempatan yang menghasilkan apa-apa produk makanan/bukan makanan yang berminat untuk mengiklankan perniagaan, produk dan perkhidmatan yang berkaitan dengan sektor pekebun kecil sawit dalam *Warta Sawit*. Kos untuk pengiklanan bagi saiz A4 (halaman dalam dan berwarna) adalah RM2000, manakala saiz A4 (kulit belakang buku dan berwarna) adalah RM3000. Diskaun RM1000 diberikan kepada syarikat yang membuat tempahan iklan untuk tiga keluaran berturut-turut. Bayaran hanya perlu dibuat selepas invoice dikeluarkan oleh MPOB. Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Sekretariat Warta Sawit
Tel: 03-8769 4258
wartasawit@mpob.gov.my

Tarikh akhir pesanan iklan dalam *Warta Sawit* adalah seperti berikut:

Warta Sawit Bil.	Keluaran	Tarikh akhir tempahan penghantaran iklan dan cek
83 (1)/2023	Januari - April 2023	30 Mac 2023
84 (2)/2023	Mei - Ogos 2023	30 Julai 2023
85 (3)/2023	September - Disember 2023	30 November 2023

SLIP TEMPAHAN

Ketua Pengarah MPOB
6 Persiaran Institusi
Bandar Baru Bangi
43000 Kajang, Selangor

U/P: Reza Ashraf Zakaria - Unit Khidmat Pengembangan
Bahagian Penyelidikan Pembangunan Pekebun Kecil

Syarikat kami berminat untuk menempah iklan dalam *Warta Sawit* MPOB. Sila tandakan (✓) dalam kotak berkenaan:

<input type="checkbox"/> Halaman dalam A4 (warna)	<input type="checkbox"/> (satu keluaran) RM2000	<input type="checkbox"/> (tiga keluaran) RM5000
<input type="checkbox"/> Kulit belakang (warna)	<input type="checkbox"/> RM3000	<input type="checkbox"/> RM8000

Nama Syarikat:	
Alamat:	No. Tel:
	No. Faks:
Nama Pegawai:	
E-mel:	Warta Sawit Bil:

Tandatangan

Tarikh



BAJA SAWIT
MPOB F1

Baja Sebatian berkualiti untuk
penghasilan sawit yang tinggi



Baja **MPOB F1** dan **MPOB F1 Xtra K** adalah baja sebatian yang mengandungi nutrien yang seimbang dan merupakan keperluan asas untuk diberikan kepada tanaman dalam menghasilkan pengeluaran hasil sawit yang lebih tinggi dan berkualiti.

KELEBIHAN PRODUK:

- Menambah hasil pengeluaran tanaman
- Meningkatkan kualiti buah
- Bertindak sebagai baja pelepasan perlahan



UNION HARVEST SDN. BHD. (025690-P)
4th Floor, Block A, Menara PKNS-PJ,
No. 17, Jalan Yong Shook Lin,
46050 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

T: +603 7957 2122

F: +603 7957 2630

E: ask@unionharvest.com

W: <http://mpobf1.com>



PIPOC 2023

MPOB International Palm Oil Congress and Exhibition

Navigating Uncertainties Building Resilience

7-9 NOVEMBER 2023
Kuala Lumpur Convention Centre



MINISTRY OF PLANTATION
AND COMMODITIES



Dianjurkan oleh
Lembaga Minyak Sawit Malaysia
Kementerian Perladangan dan
Komoditi, Malaysia



✉ pipoc@mpob.gov.my

🌐 pipoc.mpob.gov.my | www.mpob.gov.my

SKIM PEMBIAYAAN MUDAH (TSPKS)



TANAM SEMULA PEKEBUN KECIL SAWIT



Membantu meringankan beban kewangan pekebun kecil bagi melaksanakan penanaman semula sawit

KADAR PEMBIAYAAN

RM10,000
PER HEKTAR (SEMENANJUNG)

RM14,000
PER HEKTAR (SABAH & SARAWAK)

SYARAT PERMOHONAN

- Warganegara Malaysia berumur 18 tahun – 58 tahun.
- Pekebun kecil persendirian dengan jumlah pemilikan tanah tidak melebihi 40.46 hektar.
- Memiliki sawit berusia lebih 25 tahun.
- Memiliki lesen MPOB.

DOKUMEN DIPERLUKAN

1. Salinan Kad Pengenalan
2. Salinan Geran Tanah
3. Salinan Lesen MPOB



BAYARAN
BALIK
BERMULA
TAHUN
KE-5

KADAR
KEUNTUNGAN
2%

LUAS
MAKSIMA
6.5
HEKTAR

KELEBIHAN PEMBIAYAAN

- Lulus Segera
- Tanpa Cagaran
- Ansuran Mudah
- Tanpa Penjamin



Borang permohonan boleh diperolehi di semua
Pejabat MPOB & Agrobank bermula
15 Ogos 2019

palmoilpedia

SKIM PEMBIAYAAN MUDAH (IPPKS)



INPUT PERTANIAN PEKEBUN KECIL SAWIT



Membeli input pertanian seperti anak benih, baja serta bahan kawalan perosak seperti racun rumpai dan racun serangga perosak.

KADAR PEMBIAYAAN **RM2,500**
PER HEKTAR

PEMBIAYAAN MAKSIMA **RM16,250**

TEMPOH PEMBIAYAAN
24 BULAN

KADAR KEUNTUNGAN
2%

KELEBIHAN PEMBIAYAAN

- Lulus Segera
- Tanpa Cagaran
- Ansuran Mudah
- Tanpa Penjamin

SYARAT PERMOHONAN

- Warganegara Malaysia berumur 18 tahun - 58 tahun.
- Pekebun kecil persendirian dengan jumlah pemilikan tanah tidak melebihi 40.46 hektar.
- Memiliki sawit berusia kurang daripada 22 tahun.
- Memiliki lesen MPOB.

DOKUMEN DIPERLUKAN

- Salinan Kad Pengenalan
- Salinan Geran Tanah
- Salinan Lesen MPOB



Borang permohonan boleh diperoleh di semua Pejabat MPOB & Agrobank

palmoilpedia